

11 FEB 2003

Sultan-Aman

SULTAN PAHANG TURUT TANDATANGAN KEMPEN SEJUTA TANDATANGAN AMAN

KUANTAN, 11 Feb (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah hari ini turut berkenaan menurunkan tandatangan baginda sebagai menyokong usaha Kempen Aman Malaysia yang bertujuan menentang hasrat Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Pada majlis perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia peringkat negeri Pahang yang dihadiri kira-kira 5,000 orang itu, Sultan Pahang berkata sekalipun baginda adalah daripada golongan Diraja, namun baginda juga adalah insan yang cinta dan mendoakan keamanan.

"Saya juga sebagai makhluk Tuhan mendoakan kepada Allah supaya beri keamanan kepada dunia," titah baginda pada majlis berkenaan yang turut dihadiri Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Presiden Majlis Belia Pahang Datuk Faisal Abdullah dan Penolong Setiausaha Pemuda Umno Zulkifli Alwi.

Pada majlis tersebut baginda kemudiannya menandatangani borang tandatangan Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia, yang secara langsung menjadi Sultan pertama di negara ini yang turut serta menyokong program itu.

Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Belia 4B dan Pertubuhan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) sebagai membantah serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan isu pembebasan Palestin.

Sementara itu Zulkifli, yang juga Pengerusi Jawatankuasa kempen berkata berdasarkan sambutan yang memberangsangkan yang diberikan terhadap kempen tersebut, jumlah sasaran sejuta tandatangan telah pun berjaya diperolehi.

"Kita akan teruskan usaha itu sekalipun sasaran telah tercapai dan kita teruskan program ini untuk mengumpul tandatangan sebanyak mungkin," katanya.

Zulkifli berkata sokongan yang ditunjukkan oleh Sultan Pahang itu amat membanggakan, dan berharap lebih ramai golongan Diraja turut memberikan sokongan sedemikian.

Katanya, kesemua tandatangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tanda sokongan rakyat negara ini yang cintakan keamanan pada perhimpunan raksasa yang akan diadakan pada 23 Feb ini di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

Selain itu Zulkifli berkata pada majlis perhimpunan raksasa di Stadium Bukit Jalil itu, usaha juga sedang dilakukan bagi membawa beberapa rakyat dan aktivis Palestin yang terbabit dalam kekejaman rejim Israel.

"Usaha sedang dilakukan untuk membawa beberapa rakyat dan aktivis Palestin bagi membolehkan rakyat Malaysia bertemu dengan mangsa kekejaman Israel itu bagi mendapatkan gambaran sebenar di Palestin," katanya.

-- BERNAMA

MS ZB